

TEMA 1 SISTEM EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM
PELAJARAN 1 SISTEM EKONOMI ISLAM
MODUL CEMERLANG TASAWWUR ISLAM
TINGKATAN 5 KSSM / 2021
SMK JALAN KOTA TINGGI KLUANG JOHOR

Bahagian A
(20 markah)

Arahan : Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. Ekonomi Islam berkonsepkan _____ ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam.
2. Sistem ekonomi Islam mengiktiraf _____ harta individu.
3. Dalam sistem ekonomi Islam, pengagihan harta dalam kalangan masyarakat dilakukan secara _____.
4. Pengelolaan harta menurut sistem ekonomi Islam hendaklah mengikut kehendak _____.

Soalan 5 hingga Soalan 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan.

5. Ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi berteraskan aturan syariat Islam.
6. Ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta isu kewangan.
7. Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada hambaNya untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut kehendak syarak.
8. Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal.

Soalan 9 hingga Soalan 10

Lengkapkan jadual berkaitan sumber utama sistem ekonomi Islam.

9. Kalam Allah s.w.t yang bermukjizat diturunkan melalui Malaikat Jibril.
10. Menghubungkan hukum yang tidak ada kepada hukum yang ada kerana bersamaan illat.

Soalan 11 hingga Soalan 12

Lengkapkan jadual berikut berkaitan jenis pemilikan harta.

Jenis Pemilikan Harta	Keterangan
P	Pemilikan secara bersama oleh anggota masyarakat terhadap sesuatu sumber, barangan atau perkhidmatan.
Q	Harta yang diuruskan oleh kerajaan untuk kepentingan awam selaras dengan tuntutan agama dan keperluan.

11. P ialah _____

12. Q ialah _____

Soalan 13 hingga Soalan 14

Lengkapkan rajah berikut kesan pekerjaan yang halal.




13. R ialah _____

14. S ialah _____

Soalan 15 hingga Soalan 16

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan sistem ekonomi konvensional.



13.	T ialah _____
14.	U ialah _____

Soalan 17 hingga Soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

17. Sistem ekonomi Islam memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas berbanding barangan mewah.
18. Mengambil berat tentang ibadah ketika bekerja merupakan etika kerja Islam.
19. Bekerja merupakan satu ibadah yang diberikan ganjaran pahala.
20. Orang yang menceburi bidang pekerjaan halal akan mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah s.w.t.

JAMIYAH FAIRUZ BINTI MOHAMMAD